

16 OCT 2003

Shahidan-Veteran

SHAHIDAN CADANG PEMIMPIN MUDA DAN WANITA DIBERI LEBIH BANYAK PELUANG

KANGAR, 16 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim mencadangkan supaya lebih banyak pemimpin muda dan wanita dicalonkan pada pilihan raya umum akan datang sejajar dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang menyambut baik pandangan Perdana Menteri itu berkata pemimpin yang telah lama menyandang jawatan seharusnya bersikap positif dan tidak memikirkan untuk terus menjadi calon.

"Saya bersetuju dengan saranan Perdana Menteri kerana selagi golongan veteran tidak mahu berundur, sampai bilapun muka baru tidak mempunyai peluang," katanya kepada pemberita di sini malam tadi.

Shahidan yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perlis dan Ketua Perhubungan Umno negeri sebelum itu menyampaikan sumbangan Badan Amal Isteri-isteri Wakil Rakyat Perlis (Baidunita) kepada 350 penduduk miskin keturunan India sempena sambutan Deepavali.

Beliau mengesyorkan golongan veteran terus memberi sumbangan ke arah menguatkan parti kerana masalah dalaman sering wujud setiap kali hampir pilihan Raya umum.

Ketika berucap pada majlis itu, Shahidan memuji Baidunita kerana sentiasa seiringan dengan kerajaan dalam menjalankan program-program kebajikan termasuk kepada warga tua, anak yatim, ibu tunggal dan golongan rakyat termiskin.

Pada majlis itu, Baidunita mengagihkan sumbangan sebanyak RM28,000 untuk masyarakat India yang miskin.

Shahidan berkata sejak sebulan lalu, kerajaan negeri dan pelbagai badan kebajikan di negeri ini termasuk Baidunita telah mengeluarkan bantuan kewangan dan hamper kepada ribuan penduduk di negeri ini.

Beliau juga menjangkakan sebanyak 32,000 penduduk miskin, daif, anak yatim, ibu tunggal dan warga tua akan menerima agihan bantuan sepanjang aab bns